

BINGKISAN PESAN UNTUK PESAKIT

Oleh:

Dr. Aiman Al-Ghayisi

Diterbitkan oleh:**Persatuan Perubatan Islam Malaysia**

No. 28 1St Floor

Jln Medan Pb 1

Seksyen 9

43650 Bandar Baru Bangi

Selangor

Tel : 603-8926 3034

Fax : 603-2692 5546

Hakcipta terpelihara.

Cetakan Pertama - 2010

Penterjemah

Khairulddin Ghazali

(mihwar@gmail.com)

PENDAHULUAN

- Kepada semua yang sedang dalam kesakitan mengharapkan kesembuhan di dunia dan ganjaran Allah di akhirat.
- Kepada semua pesakit yang tidak dapat bergerak atau lumpuh untuk meneruskan kehidupan seperti kebiasaannya.
- Kepada semua pesakit yang mencari ubat paling mujarab dan doktor yang paling pakar untuk mengubati penyakitnya.
- Kepada semua doktor yang dikelilingi oleh penderitaan pesakit setiap hari tetapi tidak mampu berbuat apa-apa.
- Kepada sesiapa sahaja yang dikelilingi oleh ahli keluarga dan mereka yang dikasihi yang dalam kesakitan mengarapkan kesembuhan di dunia dan ganjaran Allah di akhirat.
- Kepada arwah ayahandaku semoga di rahmati Allah, aku berhasrat membacakan kepadanya bingkisan risalah ini, namun tidak kesampaian kerana beliau koma sebelum kewafatannya.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

BINGKISAN RISALAH UNTUK PESAKIT

Bingkisan risalah ini adalah untuk mu.

Bingkisan risalah ini untuk saudaraku yang ditimpa penyakit sehingga menyekat seluruh kegemarannya.

Bingkisan risalah ini untuk saudaraku yang ditimpa penyakit yang sangat luarbiasa penderitaannya.

Bingkisan risalah ini untuk saudaraku yang ditimpa penyakit yang menghilangkan seluruh kesukaannya.

AKU UNGKAPKAN KEPADAMU WAHAI SAUDARAKU

Barangkali sakitmu ini sangat luarbiasa, namun kesakitan tersebut bukanlah kerana hinanya dirimu dihadapan Allah. Rasulullah s.a.w pernah merasai kesakitan yang menyamai kesakitan dua orang. Ertinya Baginda merasai kesakitan berganda sehingga Ibnu Mas'ud berkata kepada Baginda : *Badanmu tersangat panas*. Jawab Baginda: *Benar, Aku terkena panas ini sebagaimana panas yang terkena pada dua orang di kalangan kamu*. Kata Ibnu Mas'ud : *Dengan demikian Engkau mendapat dua kali ganda ganjaran?* Jawab Rasulullah s.a.w : *Benar !*

[Hadith dikeluarkan oleh Bukhari dan Muslim]

Daripada Ummul Mukminin, Aisyah r.a berkata : *Tidak pernah aku melihat seseorang yang sakit melebihi kesakitan Rasulullah s.a.w.*

[Hadith ini dikeluarkan oleh Imam Muslim dalam Bab al-Birr wa as-Shilah wal-Adab. Imam Bukhari pula mencatat hadith ini dalam bab al-Maradh. Manakala Imam Tarmizi pula meletakkan hadith ini dalam bab Zuhud]

Kesakitan itu menimpa orang beriman sebagaimana ia menimpa juga mereka yang tidak beriman. Namun yang membezakan ialah sikap berharap dan cita-cita pesakit tersebut. Sakit dan harap adalah dua kalimah yang berbeza. Harapan paling agung ialah harapan kepada Allah Azzawajalla. Inilah perbezaan yang boleh meringankan kesakitan seorang mukmin berharap kepada Allah.

Sakit mulakan bicara dalam bingkisan risalah ini kepadamu wahai saudaraku dengan sesuatu yang tidak sepatutnya kita lupa

PERTAMA : KESAKITANMU BUKAN KERANA KEHINAANMU DI SISI ALLAH

Saudaraku yang sedang sakit

Sayugia saudara tahu bahawa saudara bukan hina di sisi Allah, sebagaimana Nabi Ayyub bukannya hina di sisi Allah sehingga ditimpakan dengan kesakitan. Bahkan seluruh para Nabi turut diuji oleh Allah s.w.t. Saad bin Abi Waqas pernah bertanya kepada Nabi s.a.w : Siapakah manusia yang paling teruk menerima ujian ? Rasulullah s.a.w menjawab : *Para Nabi kemudian yang dibawahnya dan seterusnya yang bawahnya. Seseorang itu diuji berdasarkan kekuatan agamanya. Jika pegangan agamanya kuat dn mantap, maka semakin kuat ujiannya. Jika sekiranya pegangan agamanya rapuh, maka ia dicuba mengikut tahap pegangan agamanya. Tidak terpisah ujian dari seseorang hamba sehingga ditinggalkannya berjalan di atas bumi dan apa-apa yang ada di atas bumi dalam keadaan bersalah.*

[Hadith dikeluarkan oleh Ibnu Hibban]

Dalil lain yang menunjukkan bahawa orang yang sakit itu bukannya hina pada pandangan Allah. Allah s.w.t berfirman pada hari Kiamat : *Wahai anak Adam, engkau sakit tetapi engkau tidak pernah menziarahi Aku. Kata*

anak Adam : Wahai Tuhanku, bagaimana aku menziarahi-Mu sedang Engkau adalah Tuhan sekalian alam? Kata Allah : Tidakkah engkau tahu bahawa hamba-Ku si polan itu sakit, tetapi engkau tidak menziarahinya? Tidakkah engkau tahu bahawa jika engkau menziarahinya, nescaya engkau akan dapati Aku berada di sisinya.

[Hadith riwayat Muslim dari Abu Hurairah di dalam kitab al-birru was-shilah wal Adab]

Saudaraku, perhatikan firman Allah kepada manusia: ***“engkau sakit tetapi engkau tidak pernah menziarahi Aku”***. Perhatikan juga firman Allah: ***“jika engkau menziarahinya, nescaya engkau akan dapati Aku berada di sisinya”***. Subhanallah ! Sesungguhnya Allah berada di sisimu tatkala engkau sedang sakit wahai saudaraku. Dia memuji sesiapa yang menziarahimu dan mencela sesiapa yang tidak menziarahimu. Yang demikian itu adalah suatu kemuliaan bagi dirimu. Menjelaskan ketinggian darjatmu di sisi-Nya.

Dalil ketiga menunjukkan ketinggian kedudukan dan kemuliaan dirimu di sisi-Nya wahai saudaraku yang sedang sakit, bahawa Allah tidak sesekali menghilangkan pahala-pahala amalan engkau yang lalu yang tersekat oleh sebab musibah yang menimpa. Bahkan ganjaran itu tetap mengalir sebagaimana ia mengalir sewaktu sakit

belum menimpa kamu.

Syadad bin Aus bin Thabit al-Ansori telah menziarahi seorang lelaki yang sedang sakit, lalu dia bertanya : *Bagaimana kamu berpagi hari ini ?* Jawab lelaki itu : *Aku berpagi dengan nikmat.* Syadad menjawab : *Bergembiralah dengan penghapus-penghapus dosa dan kesalahan, sesungguhnya aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda :*

“Sesungguhnya Allah azzawajalla berfirman : Aku, apabila menguji hamba-hambaku yang beriman, lalu dia memuji Aku di atas ujian yang aku lakukan itu maka sesungguhnya dia bangun dari tidurnya pada hari itu seperti hari dia dilahirkan oleh ibunya, bersih dari kesalahan. Allah berfirman : Aku mengikat hambaku dan Aku mengujinya maka diberikan ganjaran sebagaimana kamu diberikan ganjaran dalam keadaan tidak sakit”.

[Hadith dikeluarkan oleh Imam Ahmad di dalam kitab Musnad as-Syamiyiin dari hadith
Abi Asy’athas- Shon’aani]

Imam Bukhari telah mengeluarkan aathar dalam bab Adab daripada Abdul Rahman bin Said daripada ayahnya, berkata : Aku bersama-sama Sulaiman r.a telah menziarahi seorang pesakit di Kandah. Tatkala beliau

masuk menemui pesakit itu lalu berkata : Bergembiralah engkau kerana kesakitan seorang mukmin itu Allah jadikan sebagai kifarat dosa dan mendapatkan keredhaan. Dan sesungguhnya kesakitan orang munafik itu seperti unta ditangkap oleh pengembalanya kemudian dibebaskan, namun dia tidak tahu kenapa ia ditangkap dan kenapa ia dibebaskan”.

Imam Ibnu Jarir dan Imam al-baihaqi telah mengeluarkan hadith daripada Abdullah bin Nafi', katanya : Abu Musa telah menziarahi Hassan bin Ali r.a, maka berkata Ali : Ketahuilah bahawa tidak ada bagi seorang Muslim yang menziarahi seorang pesakit melainkan pulang bersamanya tujuh puluh ribu malaikat memohon ampun untuknya, jika saat itu waktu pagi maka ia memohon keampunan sehingga petang. Dan baginya di syurga nanti kehidupan yang baik. Jika dia pada waktu petang maka keluar untuknya tujuh puluh ribu malaikat yang kesemuanya beristighfar untuknya dan baginya kehidupan yang baik di Syurga.

KEDUA : CINTAKAN KESIHATAN ADALAH FITRAH

Sayugia anda tahu bahawa setiap manusia difitrahkan mencintai kesihatan. Ini adalah tabie dan tidak boleh

dilihat jijik. Nabi s.a.w pun selalu berdoa kepada Allah agar dikurniakan kesihatan. Baginda berpesan kepada para sahabatnya : *“Mintalah kepada Allah kesihatan dunia dan akhirat”*.

[Riwayat at-Tirmizi daripada Anas]

Baginda s.a.w juga berdoa pada setiap pagi dan petang : *“Ya Allah sihatkan aku pada badanku, Ya Allah sihatkan aku pada penglihatanku, Ya Allah sihatkan aku pada pendengaranku”*.

[Diriwayatkan oleh Abu Dawud daripada Abdul Rahman bin Abi Bakrah]

Namun saudaraku.... Anda tidak dapat mengecapi kesihatan itu pada sepanjang masa. Inilah kesempurnaan lemahnya manusia dan pengabdianya kepada Allah.

KETIGA : UJIAN ITU SUNNAH KEJADIAN

Firman Allah s.w.t :

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا وَهُوَ الْعَزِيزُ الْعَفُورُ ﴿٢٠٠﴾

Ertinya: *Yang menjadikan mati dan hidup, supaya dia menguji kamu, siapa di antara kamu yang lebih baik*

amalnya. dan dia Maha Perkasa lagi Maha Pengampun,

[Al-Mulk : 2]

Hassan al-Bashri mendefinisikan “*yang lebih baik amalnya*” itu sebagai yang paling baik, paling ikhlas dan paling betul.

Firman Allah :

أَحْسِبَ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ﴿٢﴾ وَلَقَدْ فَتَنَّا
الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ ۖ فَلْيَعْلَمَنَّ اللَّهُ الَّذِينَ صَدَقُوا وَلْيَعْلَمَنَّ الْكٰذِبِينَ ﴿٣﴾

Ertinya : *Apakah manusia itu mengira bahwa mereka dibiarkan (saja) mengatakan: “Kami Telah beriman”, sedang mereka tidak diuji lagi? Dan Sesungguhnya kami Telah menguji orang-orang yang sebelum mereka, Maka Sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang benar dan Sesungguhnya dia mengetahui orang-orang yang dusta.*

[Al-Ankabut : 2-3]

Setiap ujian daripada Allah, ada hikmahnya dan ia baik untuk orang yang beriman. Samada ujian itu dalam bentuk kesakitan atau kesihatan, keburukan ataupun kebaikan. Ketika umat Islam ditimpakan musibah ketika peperangan Uhud, Allah berfirman kepada mereka :

إِنَّ يَمَسُّكُمْ فَرَحٌ فَقَدْ مَسَّ الْقَوْمَ فَرَحٌ مِّثْلُهُ وَتِلْكَ الْآيَاتُ نَدَاؤِهَا
 بَيْنَ النَّاسِ وَلِيَعْلَمَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَيَتَّخِذَ مِنْكُمْ شُهَدَاءَ ۗ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ
 الظَّالِمِينَ ﴿١٤٠﴾ وَلِيُمَحِّصَ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَيَمْحَقَ الْكٰفِرِينَ ﴿١٤١﴾

Ertinya : Jika kamu (pada perang Uhud) mendapat luka, Maka Sesungguhnya kaum (kafir) itupun (pada perang Badar) mendapat luka yang serupa dan masa (kejayaan dan kehancuran) itu kami pergilirkan diantara manusia (agar mereka mendapat pelajaran); dan supaya Allah membedakan orang-orang yang beriman (dengan orang-orang kafir) supaya sebagian kamu dijadikan-Nya (gugur sebagai) syuhada'¹ dan Allah tidak menyukai orang-orang yang zalim. Agar Allah membersihkan orang-orang yang beriman (dari dosa mereka) dan membinasakan orang-orang yang kafir.

(Ali Imran : 140 - 141)

Maka putaran dan pertukaran hari-hari yang berlalu, orang-orang mukmin menang, gugurnya para syuhada', pembersihan saf orang yang beriman serta kekalahan orang-orang kafir, semuanya itu adalah hikmah-hikmah dari apa yang telah menimpa umat Islam di peperangan

¹ Syuhada' di sini ialah orang-orang Islam yang gugur di dalam peperangan untuk menegakkan agama Allah. Sebagian ahli tafsir ada yang mengartikannya dengan menjadi saksi atas manusia sebagai tersebut dalam ayat 143 surat Al Baqarah.

Uhud. Begitu juga hikmah-hikmah sebegini akan menimpa umat Islam sepanjang zaman.

Sabda Rasulullah s.a.w:

عَجَبًا لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ إِنَّ أَمْرَهُ كُلَّهُ خَيْرٌ وَلَيْسَ ذَلِكَ لِأَحَدٍ إِلَّا لِلْمُؤْمِنِ إِنْ أَصَابَتْهُ سَرَاءٌ شَكَرَ
فَكَانَ خَيْرًا لَهُ وَإِنْ أَصَابَتْهُ ضَرَاءٌ صَبَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ

Ertinya : *Sangat pelik urusan mukmin ! Segala urusannya baik, tidak ada sifat ini pada seseorang yang lain kecuali orang mukmin. Jika ia ditimpa kebaikan, maka dia bersyukur dan itu adalah baik untuknya. Jika ditimpa kemudharatan, maka dia bersabar. Itu adalah baik untuknya.*

[Hadith riwayat muslim daripada Suhaib bin Sinan]

Ujian itu berlaku samada dalam bentuk yang disukai oleh manusia lalu dia patut bersyukur, ataupun dalam bentuk yang tidak disukai manusia seperti kesakitan. Jika dalam bentuk seperti ini, ia tidak lepas dari akibat kedosaan. Ia juga merupakan ubat bagi penyakit. Jika orang yang bijaksana tidak dapat menangkap maksud ujian ini nescaya dia akan dihancurkan oleh dosa-dosa.

Ataupun ujian itu dalam bentuk yang tidak disukai oleh diri yang menjadi sebab sesuatu nikmat itu tidak dapat dinikmati kecuali dengan perkara yang tidak disukai itu.

Contohnya, ubat yang pahit demi untuk kesembuhan. Perkara yang tidak disukai itu terputus dan habis sedang nikmat-nikmat yang dikecapi setelah mengambil ubat itu berterusan dan tidak putus-putus. Apabila seseorang mengenali hakikat sakit, bahawa ia adalah menghapuskan dosa atau sebab untuk mengecapi kenikmatan selepas kesakitan pasti akan terbuka luas kepada pintu redha terhadap apa sahaja ketentuan Tuhan.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :
مَا يَزَالُ الْبَلَاءُ بِالْمُؤْمِنِ وَالْمُؤْمِنَةِ فِي نَفْسِهِ وَوَالِدِهِ وَمَالِهِ حَتَّى يَلْقَى اللَّهَ وَمَا عَلَيْهِ خَطِيئَةٌ

Ertinya : Daripada Abi hurairah , katanya Rasulullah s.a.w telah bersabda : *Ujian itu tetap berlaku terhadap mukmin dan mukminah pada dirinya, anaknya dan hartanya sehinggalah dia berjumpa dengan Allah s.w.t tanpa ada atasnya satu kesalahan.*

KEEMPAT : ALLAH SEDIAKAN KEPADA HAMBANYA YANG BERIMAN BEBERAPA KEDUDUKAN DI DARKARAMAHNYA YANG TIDAK PERNAH DICAPAI OLEH AMALAN MEREKA DAN MEREKA SENDIRI PUN TIDAK PERNAH MENCAPAINYA KECUALI DENGAN UJIAN .

Disyaratkan untuk mereka sampai kepada kedudukan-kedudukan ini menerusi sebab-sebab ujian dan tribulasi sebagaimana mereka ditunjukkan jalan kesabaran ketika menempuhi ujian-ujian tersebut. Itulah sebahagian sebab-sebab yang boleh menyampaikan mereka ketahap kedudukan tersebut yang tidak pernah mereka sampai ke situ hanya dengan amalan-amalan yang mereka lakukan selama tidak melalui ujian-ujian ini.

KELIMA : DARI KESIHATAN BERTERUSAN, KEMENANGAN DAN KEKAYAAN SELALUNYA JIWA CENDERUNG BERSIKAP MELAMPAU DAN GOPOH

Ini satu penyakit yang menghalang jiwa dari bersungguh-sungguh dalam perjalanannya menuju Allah dan negeri Akhirat. Apabila Allah sebagai pemilik, pemberi rahmat dan pengurnia kemuliaan menghendaki, maka Allah tentukan kepadanya apa-apa ujian dan dugaan yang

menjadi ubat kepada penyakit yang menghalangnya selama ini dari mendekati Allah. Maka ujian dan dugaan itu berfungsi sebagai tabib yang memberikan ubat yang sangat tidak disenangi demi untuk mengeluarkan penyakit dari jiwa tersebut. Jika dibiarkan, pasti penyakit tersebut akan mendominasi tubuh dan seterusnya menghancurkan.

Manusia tidak boleh memilih bila dan bagaimana ujian akan berlaku. Tidak juga pada posisi mana ia akan berlaku. Pada kaum kerabatnya, teman-temannya, kedua ibubapanya, kesihatannya ataupun bilakah ujian tersebut akan berlaku? Apakah ia akan berlaku pada permulaan hidupnya, atau ketika mudanya ataupun ketika usianya? Juga apakah ia akan datang dalam bentuk kebaikan ataupun keburukan? Allah berfirman :


 وَتَبْلُوكُمْ بِالشَّرِّ وَالْخَيْرِ فِتْنَةً وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ

Ertinya : Kami akan menguji kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai cobaan (yang sebenar-benarnya). dan Hanya kepada kamilah kamu dikembalikan.

[Al-Anbiya' : 35]

Tetapi apa yang sepatutnya manusia lakukan ialah bagaimana berinteraksi dengan ujian ini dengan cara

yang diredhai oleh Allah sehingga ujian itu tidak menyebabkan dia terkeluar dari syariat dan pengajaran Allah s.w.t

KEENAM : BERBAIK SANGKA DENGAN ALLAH

Baik sangka seorang pesakit terhadap Allah dan segala qada' dan qadarnya yang dilangsungkan terhadap seseorang akan mewarisi kegembiraan dan kebahagiaan. Di dalam sebuah hadith Qudsi:

أَنَا عِنْدَ ظَنِّ عَبْدِي بِي ، فليظنَّ بي ما شاء

Ertinya : *Aku berada pada sangkaan hambaku terhadap diriKu, maka bersangkalah kepada Aku semahunya.*

[Hadith riwayat Tobrani di dalam al-awsat daripada Wailah bin al-Asqo'. Diriwayatkan juga oleh Ahmad di dalam kitab Musnad al-Kufiyin]

Setelah Umat Islam diuji di dalam peperangan Uhud, Allah menyebut beberapa sangkaan manusia terhadap-Nya. Firman Allah :

يُظُنُّونَ بِاللَّهِ غَيْرَ الْحَقِّ ظَنَّ الْجَاهِلِيَّةِ

Ertinya : *mereka menyangka yang tidak benar terhadap*

Allah seperti sangkaan jahiliyah². [Ali Imran : 154]

Sesungguhnya Allah telah menentukan ujian-ujiannya dengan penuh hikmah dan matlamat yang suci yang layak dipuji. Semua itu terbit dari satu kehendak dan satu hikmah demi satu tujuan. Itulah yang lebih disukai oleh Allah. Tidak pernah Allah tentukan semua perkara ini sia-sia, apalagi dalam bentuk yang batil. Firman Allah:

ذَٰلِكَ ظَنُّ الَّذِينَ كَفَرُوا فَوَيْلٌ لِلَّذِينَ كَفَرُوا مِنَ النَّارِ ﴿٢٧﴾

Ertinya: “ yang demikian itu adalah anggapan orang-orang kafir, Maka celakalah orang-orang kafir itu Karena mereka akan masuk neraka”. [Surah Shaad : 27]

Ramai manusia yang membuat sangkaan yang tidak benar terhadap Allah s.w.t dalam hal-hal peribadi mereka dan juga perkara yang berlaku kepada orang lain. Tidak selamat mereka dari sangkaan buruk ini kecuali mereka yang mengenal Allah, sifat-sifat serta asma Allah keseluruhannya. Juga mereka yang mengetahui hikmah dan tuntutan pujian terhadap Allah.

Mereka yang berputus asa dari rahmat Allah juga termasuk dari kalangan mereka yang berburuk sangka

² *Sangkaan bahwa kalau Muhammad s.a.w. itu benar-benar nabi dan Rasul Allah, tentu dia tidak akan dapat dikalahkan dalam peperangan.*

terhadap Allah.

Rasulullah s.a.w bersabda:

عَنْ ثَابِتِ الْبُنَاتِيِّ ، عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ ، قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ :
لَا يَتَمَتَّعَنَّ أَحَدُكُمْ الْمَوْتَ مِنْ ضَرِّ أَصَابِهِ ، فَإِنْ كَانَ لَا بُدَّ فَاعِلًا ، فَلْيُقِلَّ :
اللَّهُمَّ أَحْيِنِي مَا كَانَتِ الْحَيَاةُ خَيْرًا لِي ، وَتَوَفَّنِي إِذَا كَانَتِ الْوَفَاةُ خَيْرًا لِي .

Ertinya : Jangan ada di kalangan kalian orang yang bercita-cita untuk mati lantaran ditimpa kemudharatan, jika sekiranya terpaksa untuk berbuat demikian, maka katalah : Ya Allah hidupkanlah aku jika kehidupan itu adalah kebaikan untuk aku dan matikanlah aku jika kematian itu adalah kebaikan untuk diriku”.

[Hadith muttafaqun ‘alaih]

SAUDARAKU

Syurga itu ada beberapa pintu yang dipanggil para penghuninya dari pintu tersebut. Seseorang itu tidak dipanggil menerusi pintu ini kecuali mereka yang layak dari segi amalan dan kelebihannya. Saudaraku, inilah pintu-pintu syurga yang dibuka untukmu dengan sebab kesakitan yang engkau tempohi. Oleh itu jangan sesekali

engkau berpaling daripadanya. Saya akan ceritakan dua pintu untuk mu di dalam catatan ringkas ini, iaitu pintu sabar dan pintu redha. Boleh jadi dibuka juga untukmu pintu-pintu lain yang Allah tunjukkan jalannya kepadamu, lalu engkau diseru ke syurga menerusi pintu tersebut.

Alangkah ramainya manusia yang memasuki syurga menerusi pintu-pintu ini. Alangkah luasnya saudaraku, dan engkau telah berdiri dihadapan pintu-pintu ini dengan ujian-ujian yang Allah berikan kepadamu. Sesiapa yang konsisten menempuhi jalan-jalan ini, maka pintu-pintu akan dibuka untuknya.

Imam Ibnu Qayyim berkata di dalam kitabnya "al-Fawaid": *Jangan engkau merasa jenuh berdiri dipintu walau engkau pernah diusir. Jangan berhenti memohon maaf sekalipun berulang kali. Maka jika pintu itu dibuka kepada mereka yang diterima masuk tanpa dirimu, maka serbulah sebagaimana serbuan para pendusta, masuklah sebagaimana masuknya anak-anak kecil. Rendahkanlah tanganmu dan bersedekah lah kepada kami.*

Ayuh sama-sama kita ketuk pintu pertama mudah-mudahan kita termasuk sebagai mereka yang layak.

PERTAMA : PINTU SABAR

Maka bersabarlah sebgaimana sabar dalam mentaati Allah, sabar menahan diri dari melakukan maksiat kepada Allah serta sabar di atas ujian daripada Allah.

Sabar manusia ketika dihalang dari tempat pergantungan utamanya adalah lebih besar ganjaran berbanding sabar terhadap perkara-perkara lain.

Oleh sebab itu ujian terhadap nabi Ibrahim ialah kepada anaknya yang sangat dikasihi dan pada sifat rahmatnya di mana diarahkan menyembelih anaknya dengan tangannya sendiri. Dengan ujian ini Nabi Ibrahim telah diangkat darjatnya di sisi Allah s.w.t. Firman Allah :

إِذْ قَالَ لَهُ رَبُّهُ ۖ أَسْلِمَ قَالَ أَسْلَمْتُ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٣١﴾

Ertinya : *Ketika Tuhannya berfirman kepadanya : “Tunduk patuhlah!” Ibrahim menjawab : “Aku tunduk patuh kepada Tuhan semesta alam”.* [Al-Baqarah : 131]

Firman Allah:

وَإِذْ ابْتَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ رَبُّهُ بِكَلِمَاتٍ فَأَتَمَّهُنَّ قَالَ إِنِّي جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا

Ertinya : *Dan (ingatlah), ketika Ibrahim diuji Tuhannya*

dengan beberapa kalimat (perintah dan larangan), lalu Ibrahim menunaikannya. Allah berfirman :
 “Sesungguhnya Aku akan menjadikanmu imam bagi seluruh manusia”. [Al-Baqarah : 124]

Darjat Nabi Ibrahim diangkat sehingga ketahap paling tinggi menjadi “khalil ar-Rahman”. Dimana Allah berfirman :

وَاتَّخَذَ اللَّهُ إِبْرَاهِيمَ خَلِيلًا ﴿١٢٥﴾

Ertinya : *Dan Allah mengambil Ibrahim menjadi kesayanganNya.* [An-Nisa' : 125]

Kesabaran itu ada teman rapatnya dan hasil kesabaran itu tidak akan didapati melainkan bersama-sama teman rapat itu, iaitu mengharapakan ganjaran daripada Allah s.w.t (ihtisab). Firman Allah :

إِنَّمَا يُوَفَّى الصَّابِرُونَ أَجْرَهُمْ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿١٠﴾

Ertinya : *Sesungguhnya Hanya orang-orang yang Bersabarlah yang dicukupkan pahala mereka tanpa batas.* [Az-Zummar : 10]

Ihtisab dalam bersabar adalah sabar tanpa menunggu pujian dari sesiapa dari kalangan makhluk. Di sini kita

dapat fahami makna hadith Nabi s.a.w yang dikeluarkan oleh Bukhari :

مَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُصِبْ مِنْهُ

Ertinya : *Sesiapa dikehendaki Allah kebaikan, maka diuji dia dengan sesuatu penyakit.*

Allah melalukan ujian kepada dirinya, lalu dia bersabar. Maka terhasillah kebaikan yang dimaksudkan itu. Kesabaran seorang pesakit, akan memasukkan dirinya dalam kebersamaan dengan Allah sebagaimana firman Allah s.w.t:

إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٣﴾

Ertinya: *Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar.* (Al-Baqarah : 153)

Sekalipun kebersamaan Allah dengan makhluk adalah menyeluruh, namun kebersamaan Allah dengan mereka yang sabar adalah kebersamaan yang khusus, iaitu kebersamaan dalam sokongan, keredhaan, pertolongan dan kemenangan.

Dengan kesabaran ini manusia disebut dari kalangan mereka yang sabar. Dihimpunkan nanti bersama-sama

mereka yang sabar. Seseorang itu tetap bersama orang yang dikasihinya. Bagaimana orang yang sabar menghadapi kesakitan tidak gembira apabila namanya disebut bersama Nabi Ayub a.s :

إِنَّا وَجَدْنَاهُ صَابِرًا نَعْمَ الْعَبْدُ إِنَّهُ أَوَّابٌ ﴿٤٤﴾

Ertinya : *Sesungguhnya kami dapati dia (Ayyub) seorang yang sabar. Dialah sebaik-baik hamba. Sesungguhnya dia amat taat (kepada Tuhan-nya)*³. [Surah Shaad : 44]

Siapakah yang menyebut “*dia sebaik-baik hamba*” ? Itulah Allah yang menjadikannya. Seorang ayah, apabila berbangga dengan anaknya di hadapan orang ramai maka saat itu menjadi saat paling bahagia bagi anak kerana yang memujinya itu adalah orang yang paling tahu tentang dirinya dan kerana hebatnya kedudukan

³ *Nabi Ayyub a.s. menderita penyakit kulit beberapa waktu lamanya dan dia memohon pertolongan kepada Allah s.w.t. Allah Kemudian memperkenankan doanya dan memerintahkan agar dia menghentakkan kakinya ke bumi. Ayyub mentaati perintah itu. Maka keluarlah air dari bekas kakinya atas petunjuk Allah, Ayyub pun mandi dan minum dari air itu, sehingga sembuhlah dia dari penyakitnya dan dia dapat berkumpul kembali dengan keluarganya. Maka mereka kemudian berkembang biak sampai jumlah mereka dua kali lipat dari jumlah sebelumnya. Pada suatu ketika Ayyub teringat akan sumpahnya, bahwa dia akan memukul isterinya bilamana sakitnya sembuh disebabkan isterinya pernah lalai mengurusinya sewaktu dia masih sakit. Akan tetapi timbul dalam hatinya rasa hiba dan sayang kepada isterinya sehingga dia tidak dapat memenuhi sumpahnya. Oleh sebab itu turunlah perintah Allah seperti yang tercantum dalam ayat 44 di atas, agar dia dapat memenuhi sumpahnya dengan tidak menyakiti isterinya yaitu memukulnya dengan dengan seikat rumput.*

orang yang memujinya. Bagaimana jika yang memuji itu adalah Allah yang Maha Mengetahui segala rahsia dirimu. Bukan hanya sekadar seorang ayah yang hanya mengetahui zahir dirimu sahaja. Bagaimana jika pujian itu didengari oleh seluruh makhluk, bukan hanya sekelompok manusia tertentu sahaja? Bagaimana pula jika pujian itu tertera pada lembaran kitab yang paling mulia, al-Quranul karim ?

Apa amal yang dilakukan oleh Nabi Ayyub dan pintu apa yang diketuk oleh baginda sehingga layak dikurniakan penghargaan dan pujian yang sedemikian tinggi “*sebaik-baik hamba*” ? Jawabannya ialah :

إِنَّا وَجَدْنَاهُ صَابِرًا

Ertinya : *Sesungguhnya kami dapati dia (Ayyub) seorang yang sabar.*

Terlaksana kesabaran pada Nabi Ayyub a.s sehingga menjadi contoh kesabaran sepanjang zaman. Ada riwayat mengatakan sakit Nabi Ayyub selama tujuh tahun dan ada riwayat lain menyatakan selama sepuluh tahun.

Saudaraku bagaimana jika saudara disediakan sebab-sebab kepada penyakit ini sehingga membuatkan saudara merasa berada bersama-sama Nabi Ayyub dan

dihimpunkan bersama-sama dengannya. Ingatlah bahawa hanya dengan kesabaran saudara akan mengecapi kepimpinan dan qudwah. Firman Allah s.w.t:

وَجَعَلْنَا مِنْهُمْ أَيْمَةً يَهْدُونَ بِأَمْرِنَا لِمَا صَبَرُوا
 وَكَانُوا بِآيَاتِنَا يُوقِنُونَ ﴿٢٤﴾

Ertinya : *Dan kami jadikan di antara mereka itu pemimpin-pemimpin yang memberi petunjuk dengan perintah kami ketika mereka sabar⁴. dan adalah mereka meyakini ayat-ayat kami.* [As-Sajdah : 24]

Sabar itu pahit tetapi balasannya adalah kelapangan. Hadith Nabi s.a.w menyatakan :

واعلم أنَّ النَّصْرَ مَعَ الصَّبْرِ ، وَأَنَّ الْفَرْجَ مَعَ الْكَرْبِ ، وَأَنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا

Ertinya : *Ketahuilah bahawa kemenangan itu bersama kesabaran, keluasan itu bersama kesempatan dan bersama kesusahan itu ada kesenangan.*

[Hadith riwayat Ahmad dalam kitab Musnad Bani Hashim dari hadith Ibnu Abbas]

Ratapan adalah aduan kepada orang yang tidak dapat memberikan jalan keluar daripada kesakitan atau jalan

⁴ Yang dimaksud dengan sabar ialah sabar dalam menegakkan kebenaran.

keluar kepada sebuah harapan.

Kesabaran adalah rezki yang dikurniakan kepada manusia bersama kerumitan. Sabar dan ujian itu saling berlumba terhadap manusia sehinggalah salah satunya mengatasi yang lain. Jika sabar yang mengatasi, maka dia mewarisi kelapangan dan cahaya. Rasulullah s.a.w bersabda di dalam sebuah hadith : "*Sabar itu cahaya*".

Pada kesabaran itu ada cahaya yang dapat dilihat pada muka orang yang bersabar. Pada kesabaran itu ada sinaran yang boleh dilihat oleh orang yang sabar apa yang tidak dapat dilihat oleh orang lain.

Allah berfirman :

يُؤْتِكُمْ كِفَايَاتٍ مِّن رَّحْمَتِهِ وَيَجْعَل لَّكُمْ نُورًا تَمْشُونَ بِهِ وَيَغْفِر لَكُمْ

Ertinya : niscaya Allah memberikan rahmat-Nya kepadamu dua bagian, dan menjadikan untukmu cahaya yang dengan cahaya itu kamu dapat berjalan dan dia mengampuni kamu [Al-Hadid : 28]

Semua ini adalah kesan dari kesabaran di dunia ini.

Adapun di akhirat, keadaannya sepertimana yang diriwayatkan daripada qatadah : *Demi Allah di sana tidak ada timbangan dan ukuran!*. Anas r.a bercerita :

Rasulullah s.a.w bersabda yang ertnya: *“Didirikan timbangan pada Hari Kiamat lalu di bawa datang ahli solat, lalu diberikan ganjaran dengan timbangan-timbangan amal itu. Dan di bawa datang pula mereka yang diuji, tidak didirikan untuk mereka timbangan, disembarkan untuk mereka daftar catatan lalu dilimpahkan kepada mereka ganjaran tanpa batas. Allah berfirman: “Sesungguhnya Hanya orang-orang yang Bersabarlah yang dicukupkan pahala mereka tanpa batas”.* Sehingga orang yang sihat bercita-cita agar jasad mereka dipinjamkan lantaran melihat kelebihan yang ada pada mereka yang diuji.

Firman Allah :

فَصَبِرْ جَمِيلًا وَاللَّهُ الْمُسْتَعَانُ

Ertinya : *Maka kesabaran yang baik itulah (kesabaranku⁵) dan Allah sajalah yang dimohon pertolongan-Nya.*

[Surah Yusuf : 18]

Sabar yang baik itu adalah sabar yang tidak ada bersamanya keluhan. Kata sayyidina Umar ibnu al-Khattab : *“Sebaik-baik kehidupan yang kami lalui adalah*

⁵ Maksudnya : dalam hal ini Ya'qub memilih kesabaran yang baik, setelah mendengar cerita yang menyedihkan itu.

dengan bersabar”.

Kata Umar bin Abdul Aziz : *“Allah tidak mengurniakan seseorang hamba akan nikmat, lalu ditarik balik nikmat itu daripadanya maka digantikan tempat nikmat itu dengan kesabaran, melainkan apa yang digantikan itu adalah lebih baik berbanding apa yang ditarik balik itu.”*

Kata Sulaiman bin al-Qasim : *“Setiap amal itu diketahui pahalanya melainkan sabar”. Firman Allah :*

إِنَّمَا يُوَفَّى الصَّابِرُونَ أَجْرَهُمْ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿١٠﴾

Ertinya : *Sesungguhnya hanya orang-orang yang Bersabarlah yang dicukupkan pahala mereka tanpa batas. [Az-Zummar : 10]. Kata beliau: seumpama air dan hujan yang banyak.*

SAUDARAKU YANG SAKIT, SABAR DAN MENGHARAPKAN ALLAH, TADABBURILAH AYAT-AYAT BERIKUT INI :

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ ۗ
 وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾ الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾
 أُولَئِكَ عَلَيْهِمْ صَلَوَاتٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَرَحْمَةٌ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُهْتَدُونَ ﴿١٥٧﴾

Ertinya : *Dan sungguh akan kami berikan cobaan kepadamu, dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dan berikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar. (Yaitu orang-orang yang apabila ditimpa musibah, mereka mengucapkan : "Inna lillaahi wa innaa ilaihi raaji'uun"⁶. Mereka itulah yang mendapat keberkatan yang sempurna dan rahmat dari Tuhan mereka dan mereka itulah orang-orang yang mendapat petunjuk. (Al-Baqarah : 155 - 157)*

جَنَّاتٍ عُدْنِ يَدْخُلُونَهَا وَمَنْ صَلَحَ مِنْ آبَائِهِمْ وَأَزْوَاجِهِمْ وَذُرِّيَّاتِهِمْ وَالْمَلَائِكَةُ يَدْخُلُونَ
 عَلَيْهِمْ مِنْ كُلِّ بَابٍ ﴿٢٢﴾ سَلَامٌ عَلَيْكُمْ بِمَا صَبَرْتُمْ فَنِعْمَ عُقْبَى الدَّارِ ﴿٢٤﴾

⁶ Ertinya : Sesungguhnya kami adalah milik Allah dan kepada-Nya-lah kami kembali. Kalimat ini dinamakan kalimat istirjaa (pertanyaan kembali kepada Allah). Disunatkan menyebutnya ketika ditimpa marabahaya, baik besar maupun kecil.

Ertinya : (Yaitu) syurga 'Adn yang mereka masuk ke dalamnya bersama-sama dengan orang-orang yang saleh dari bapak-bapaknya, isteri-isterinya dan anak cucunya, sedang malaikat-malaikat masuk ke tempat-tempat mereka dari semua pintu (sambil mengucapkan): "Salamun 'alaikum bima shabartum"⁷. Maka alangkah baiknya tempat kesudahan itu. [Ar-Ra'd : 23 - 24]

وَأَصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ فَإِنَّكَ بِأَعْيُنِنَا وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ حِينَ تَقُومُ
وَمِنَ اللَّيْلِ فَسَبِّحْهُ وَإِدْبَرَ النُّجُومِ

Ertinya : Dan Bersabarlah dalam menunggu ketetapan Tuhanmu, Maka Sesungguhnya kamu berada dalam penglihatan kami, dan bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu ketika kamu bangun berdiri⁸. Dan bertasbihlah kepada-Nya pada beberapa saat di malam hari dan di waktu terbenam bintang-bintang (di waktu fajar).

[At-Thuur : 48 - 49]

Ingatlah juga bahawa " Tidak ada pemberian anak Adam lebih baik daripada sabar".

7

Ertinya : Keselamatan atasmu atas kesabaranmu

8

Maksudnya : Hendaklah bertasbih ketika kamu bangun dari tidur atau bangun meninggalkan majlis atau ketika berdiri hendak shalat.

Di antara pemahaman itu juga, bahawa boleh jadi seseorang manusia itu dikurniakan harta, direzkan bersama dengan kesabaran. Hadith Nabi menyebut :

مَنْ يَتَصَبَّرْ يُصْبِرْهُ اللَّهُ

Ertinya : *Sesiapa yang berusaha untuk sabar, maka Allah mengurniakan kepadanya sifat kesabaran.*

[Hadith Riwayat Bukhari di dalam az-Zakat wa ar-Raqaq dari hadith Abi Saïd al-Khudri]

Sabda Nabi s.a.w :

مَا يُصِيبُ الْمُسْلِمَ مِنْ نَصَبٍ وَلَا وَصَبٍ، وَلَا هَمٍّ وَلَا حُزْنٍ، وَلَا أَذًى
وَلَا غَمٍّ حَتَّى الشُّوْكَةِ يُشَاكُّهَا، إِلَّا كَفَّرَ اللَّهُ بِهَا مِنْ خَطَايَاهُ

Ertinya : *Tidak ditimpa seorang Muslim dengan penyakit, kepenatan, dukacita, sedih, sakit dan kesempitan sehingga duri yang menusukinya melainkan Allah s.w.t menghapuskan kesalahan-kesalahannya.*

PINTU KEDUA YANG DIBUKA UNTUKMU IALAH PINTU REDHA

PINTU REDHA

Redha adalah satu kedudukan hebat diwarisi sesiapa yang mendapat kemanisan iman. Hadith menyebut :

ذَاقَ طَعْمَ الْإِيمَانِ مَنْ رَضِيَ بِاللَّهِ رَبًّا ، وَبِالْإِسْلَامِ دِينًا ، وَبِمُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَسُولًا

Ertinya: Merasai kemanisan iman sesiapa yang meredhai Allah sebagai Rabb, Islam sebagai cara hidup, Muhammad s.a.w sebagai Rasul.

Jika saudara meredhai Allah sebagai ilah, redha Allah sebagai Rabb, redha dengan peraturan-peraturan halal dan haram-Nya, redha terhadap segala hukum dan ketentuan-Nya maka seluruh keredhaan saudara ini menjadikan saudara mampu menikmati kemanisan iman. Sebabnya ialah keredhaan daripada saudara itu akan berbalas dengan keredhaan Allah terhadap saudara. Firman Allah :

رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ

Ertinya : Allah redha terhadap mereka dan merekapun redha kepada-Nya. [Al-Bayyinah : 8]

Di dalam sebuah aathar di sebutkan bahawa Bani Israel telah bertanya kepada Nabi Musa agar meminta kepada tuhan akan suatu perkara yang apabila mereka melaksanakannya, maka tuhan meredhai mereka. Musa berkata : Ya Tuhan, Engkau telah mendengar apa yang mereka ucapkan. Jawab Tuhan : Wahai Musa katakanlah kepada mereka, hendaklah mereka meredhai Aku sehingga Aku meredhai mereka.

Boleh jadi seorang manusia itu sihat walafiat tetapi tidak meredhai. Boleh jadi juga seorang manusia itu mendapat ujian tetapi dia meredhai. Jadi keredhaan itu adalah perasaan tenang yang rasai oleh hati manusia ketikamana dia yakin bahawa dia sedang berjalan menuju kebaikan yang dikehendaki untuk dirinya.

Bukan syarat sebuah keredhaan bahawa seseorang itu tidak merasa kesakitan dan kepedihan. Tetapi syarat redha itu ialah tidak protes dan tidak marah terhadap ketentuan. Seumpama redha seorang pesakit memakan ubat yang tidak disukainya. Seumpama redha seorang mujahid terhadap segala kesakitan dan luka-luka yang di dapati di jalan Allah.

Imam an-Nawawi telah meletakkan satu bab tersendiri dengan tajuk: *“Bab mengharus pesakit berkata saya*

kesakitan, atau saya terkena demam panas, atau saya lihat satu keburukan dan seumpamanya". Dan penjelasan bahawa pada ungkapan seumpama itu tidak ada larangan jika bukan dalam bentuk tidak meredhai ketentuan dan tidak sabar.

Jalan keredhaan adalah jalan pintas, tersangat dekat dan boleh menyampaikan ke matlamat yang paling mulia, namun padanya ada halangan. Walaupun begitu, kesusahannya tidak lebih dari kesusahan di jalan mujahadah. Halangan dan cabarannya adalah halangan dan cabaran di jalan mujahadah. Kesudahannya adalah memerlukan semangat yang kental, jiwa yang bersih dan menerima apa-apa ketentuan daripada Allah s.w.t. Lebih memudahkan lagi, apabila seseorang itu tahu akan kelemahan dan ketidakberdayaan dirinya serta mengetahui akan rahmat, kasih sayang dan kebaikan Allah terhadap dirinya. Natijah dari sikap redha, ialah kegembiraan dan kebahagiaan terhadap Allah s.w.t.

Abu Othman pernah ditanya tentang sabda Rasulullah s.aw:

أَسْأَلُكَ اللَّهُمَّ الرِّضَا بَعْدَ الْقَضَاءِ

Ertinya : *Aku memohon kepada-Mu ya Allah akan keredhaan setelah ketentuan.* [hadith ini riwayat Imam

Ahmad di dalam Kitab Musnad al-Ansar daripada hadith Zaid bin Thabit]. Kata Abu Othman : *Kerana Redha sebelum ketentuan adalah berazam untuk meredhai. Manakala redha setelah ketentuan, itulah redha yang sebenarnya.* Umar telah menulis : *“Sesungguhnya kebaikan itu seluruhnya pada sikap redha, maka jika anda mampu berusaha untuk meredhai dan jika tidak, bersabarlah”.*

Tips-tips membantu pesakit untuk merasa redha.

- 1 Sesungguhnya redha dengan takdir adalah tanda kebahagiaan anak adam (di akhirat) dan kebenciannya adalah tanda kecelakaannya seperti disebut di dalam kitab Al-Musnad dan kitab Sunan Tirmizi dari hadith Sa'ad bin Abi Waqas RA, katanya: Rasulullah SAW bersabda *“Antara tanda kebahagiaan anak Adam adalah dia beristikharah kepada Allah azza wajalla dan juga keredhaannya dengan ketentuan Allah. Dan antara tanda kecelakaan anak Adam adalah dia meninggalkan istikharah kepada Allah dan ketidakpuasan hatinya terhadap apa yang Allah tentukan untuknya”.*

[Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dalam Musnad sepuluh sahabat yang dijamin syurga dari hadith Sa'ad bin Abi Waqas]

- 2 Seorang muslim telah menyerahkan dirinya kepada Allah dan mengetahui bahawa apa-apa yang Allah kehendaki pasti berlaku, apa-apa yang Allah tidak kehendaki pasti tidak berlaku, dan juga ketentuan Allah tidak dapat ditukar. Seorang muslim mengenali tuhannya dan bersangka baik terhadapNya, serta tidak menuduhnya kerana apa jua ketentuan dan takdir yang diberikan kepadanya. Maka sangka baik inilah yang menjadikannya meredhai Allah sebagai pentadbir dan pembuat hukum. Kerana kepasrahan, penyerahan diri dan keredhaan inilah Nabi SAW berdoa :

” اللَّهُمَّ إِنِّي عَبْدُكَ وَإِنُّ عَبْدُكَ وَإِنُّ أُمَّتِكَ، نَاصِيتِي بِيَدِكَ، مَا ضِ فِي حُكْمِكَ، عَدْلٌ فِي قَضَائِكَ ”

Ertinya : *“Tuhanku, sesungguhnya aku hambaMu, anak kepada hamba lelakiMu (bapa), juga anak kepada hamba perempuanMu (ibu), dahiku pada tanganMu, perintahMu berlaku keatasku, ketentuanMu adil kepadaku”*.

- 3 Seorang hamba tidak mengetahui semua jenis masalah dirinya walaupun dia mengetahui beberapa sebabnya. Sementara tuhannya yang Maha Tinggi mahu memberikan masalah kepada dirinya dengan menyediakan penyebab-penyebabnya. Antara penyebab kebaikan paling besar adalah perkara yang dibenci oleh seorang hamba. Sesungguhnya kebaikan yang didapati daripada perkara yang dibenci berkali

ganda lebih daripada kebaikan yang didapati daripada perkara yang disukai. Allah berfirman :

كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِتَالُ وَهُوَ كُرْهُ لَكُمْ وَعَسَىٰ أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ
 وَعَسَىٰ أَنْ تُحِبُّوا شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَّكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٢١٦﴾

Maksudnya : *Kamu Diwajibkan berperang (untuk menentang pencerobohan) sedang peperangan itu ialah perkara yang kamu benci; dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah jualah yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya.* [Al-Baqarah : 216]

- 4 Tanda-tanda kesempurnaan ibadah manusia kepada Allah adalah berlakunya perkara dan ketentuan yang tidak disukai ke atasnya. Tidak sempurna ibadah seseorang dalam hal kesabaran, tawakal, redha, rayuan, pengharapan, rendah diri, dan ketaatan kecuali dengan berlakunya perkara yang tidak disukai.
- 5 Hendaklah diketahui bahawa keredhaannya kepada tuhanNya yang Maha Suci dan Tinggi dalam semua keadaan akan membuahkan keredhaan tuhanNya kepadanya. Jika dia redha dengan tuhanNya jika

mendapat rezeki yang sedikit, maka tuhaninya akan meredhainya dengan sedikit amal yang dia lakukan.

- 6 Sesungguhnya redha akan membuka pintu kesejahteraan yang akan menjadikan hatinya bersih daripada penipuan, iri hati dan keserabutan. Hakikatnya, seorang pun tidak akan selamat daripada azab Allah kecuali mereka yang datang kepada Allah dengan hati yang sejahtera.

يَوْمَ لَا يَنْفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ ﴿٨٨﴾ إِلَّا مَنْ آتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿٨٩﴾

Ertinya : *“Hari Yang padanya harta benda dan anak-pinak tidak dapat memberikan pertolongan sesuatu apapun. Kecuali (harta benda dan anak-pinak) orang-orang yang datang mengadap Allah dengan hati yang selamat sejahtera (dari syirik dan penyakit munafik)”*

[ASy-Syu'ara' : 88 - 89]

- 7 Rasa redha memberikan ketenangan yang tidak ada yang lebih bermanfaat darinya, dengannya dia menenangkan fikiran dan keadaannya. Sedangkan rasa benci adalah pintu kebimbangan, tertekan, sedih, kegoncangan jiwa, gelap fikiran, keadaan yang memburuk, dan berprasangka kepada Allah dengan yang tidak selayaknya. Sementara dengan keredhaan dibukakan kepadanya pintu syurga dunia sebelum syurga akhirat.

- 8 Pesakit hendaklah mengetahui bahawa keredhaan akan membuahkan rasa syukur yang merupakan darjat iman yang paling tinggi. Sementara syaitan kebiasaannya berjaya menghasut manusia ketika kebencian dan syahwat (mengikut nafsu), lebih-lebih lagi jika rasa benci itu telah tersemat di dalam jiwa.
- 9 Ketahuilah bahawa tidak redha adalah maksiat pertama yang telah dilakukan oleh iblis ketika Allah memerintahkannya untuk sujud kepada Adam, lalu dia menjawab "*Aku lebih baik daripadanya*".
- 10 Ketahuilah bahawa rasa tidak redha berpunca sama ada dari hilangnya sesuatu yang disukai dan diinginkan tetapi tidak diperolehi, ataupun kerana tertimpa sesuatu yang dibenci dan tidak disukai. Namun, jika diyakini bahawa sesuatu yang ditakdirkan luput daripada seseorang tidak akan menyimpannya dan sesuatu yang ditakdirkan menyimpannya tidak akan luput, maka tiada faedah untuk merasa tidak puas hati kecuali hanya menghilangkan perkara yang memberinya manfaat. Sedangkan, orang yang redha berdiri bersama kehendak Allah terhadapnya.
- 11 Ketahuilah juga bahawa tidak memberinya Allah kepada seseorang hamba mukmin yang ia kasihi adalah suatu pemberian dan kesusahan yang ditimpakan ke atasnya adalah suatu kesejahteraan. Ini kerana Allah bukanlah tidak memberi kerana kedekut atau tidak punya, tetapi Allah melihat kepada

kebaikan hambanya yang mukmin lalu dia tidak memberi berdasarkan kehendakNya dan pandanganNya yang baik. Seperti mana dikatakan oleh Sufyan As-Tsauroi :

“منع عطائه” (Tidak memberinya Allah itu sebenarnya adalah pemberian).

Diceritakan bahawa Nabi Musa bertanya kepada Tuhannya “*Wahai Tuhan, hamba manakah yang paling engkau cintai?*” Lalu Allah menjawab “*Seseorang yang apabila aku mengambil daripadanya sesuatu yang ia cintai dia tetap berdamai dengan-Ku*”.

Dari Amru bin Qais, Abu Said Al-Khudri r.a; berkata Rasulullah SAW bersabda : “*Sesungguhnya antara tanda-tanda lemah keyakinan seseorang adalah apabila kamu memuaskan hati manusia dengan melakukan perkara yang dibenci Allah dan apabila kamu memuji mereka kerana rezeki Allah. Juga apabila kamu mencemuh mereka kerana sesuatu yang Allah tidak berikan kepadamu. Rezeki Allah tidak akan diperolehi kerana kesungguhan seseorang untuk mendapatkannya dan tidak pula ditolak dengan kebencian seseorang terhadapnya. Sesungguhnya Allah, dengan kebijaksanaannya, telah menjadikan kesenangan dan kelapangan pada keredhaan dan*

keyakinan, dan menjadikan kebimbangan dan kesedihan pada keraguan dan ketidakpuasan hati”.

Pesakit haruslah mengingati ucapan Sufyan bin ‘Uyainah *“Seseorang yang tidak selesa dengan takdir Allah tidak akan selesa dengan takdir dirinya”.*

- 12 Amal-amal yang dilakukan anggota badan digandakan ganjarannya kepada suatu jumlah yang diketahui, sementara amal-amal hati seperti rasa redha tiada sempadan gandaannya. Ini kerana amal-amal anggota berhenti setakat sesuatu masa, sedangkan amal-amal hati berterusan dan bersambung walaupun manusia tidak menyedarinya lagi.

Aku berdoa moga Allah membukakan pintu redha kepadamu lalu ia menjadi jalanmu menuju syurga.

Saudaraku,

Berpeganglah dengan nasihat-nasihat berharga yang berikut ini:

1 Berdoa untuk kesembuhan dan kesejahteraan.

Bukhari dan Muslim meriwayatkan, dari 'Aisyah r.a bahawa apabila Rasulullah hendak tidur, dia akan menadah tangannya dan dihembuskan. Lalu baginda membaca *قل أعوذ برب الفلق*, *قل هو الله أحد*, dan *قل أعوذ برب الناس*. Kemudian baginda menyapukan tangannya keseluruh tubuh sekadar yang dicapai. Baginda melakukannya tiga kali. 'Aisyah berkata lagi "*Ketika Rasulullah sakit baginda menyuruh aku berbuat begitu untuknya*".

Tirmizi pula meriwayatkan dari Anas r.a, beliau berkata kepada Tsabit - semoga Allah merahmatinya- "*Mahukah aku menjampimu dengan jampi Rasulullah SAW?*". Tsabit menjawab "*Sudah tentu*". Lalu Anas membaca :

اللَّهُمَّ رَبَّ النَّاسِ مُدْهِبَ الْبَاسِ، اشْفِ أَنْتَ الشَّافِي، لَا شَافِيَ إِلَّا أَنْتَ، شِفَاءَ لَا يُعَادِرُ سَقَمًا

Ertinya: Ya Allah, tuhan semua manusia, Penghapus penyakit! Sembuhkanlah, Engkaulah Maha Penyembuh, tiada Penyembuh kecuali Engkau.

Dengan kesembuhan yang tiada membekaskan penyakit

Tirmizi meriwayatkan pula dari Usman bin Abi Al-'As r.a, bahawa beliau telah mengadu sakit kepada Rasulullah SAW. Lalu Rasulullah berkata kepadanya "Letakkan tanganmu di tempat sakit dan bacalah Basmalah (بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ) 3 kali, dan bacalah sebanyak 7 kali:

أَعُوذُ بِعِزَّةِ اللَّهِ وَقُدْرَتِهِ مِنْ شَرِّ مَا أَجِدُ وَأُحَاذِرُ

Ertinya : *Aku berlindung dengan kemuliaan Allah dan kekuatannya dari penyakit yang aku dapati dan aku bimbangi.*

Ibnu Sunni meriwayatkan dari Usman bin Affan r.a bahawa beliau berkata "aku telah jatuh sakit dan Rasulullah meminta berlindung untukku. Satu hari Rasulullah membaca :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، أَعِيدُكَ بِاللَّهِ الْأَحَدِ الصَّمَدِ
الَّذِي لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ مِنْ شَرِّ مَا تَجِدُ

Ertinya : *Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Aku minta berlindung untukmu dengan Allah yang Maha Esa, tempat bergantung, Yang tidak melahirkan dan tidak dilahirkan, dan tiada*

yang serupa dengan-Nya, dari segala keburukan yang engkau dapati.

2 Berdoa untuk dirimu dan untuk keseluruhan orang muslim.

Diriwayatkan di dalam Sunan Ibnu Majah, Umar berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda : *“Jika kamu masuk menziarahi pesakit maka pohonlah dia agar berdoa kepadamu kerana sesungguhnya doanya seperti doa para malaikat”*

[Dihimpunkan oleh Ibnu Majah dalam Kitab Jenazah dari hadith Umar bin Al-Khattab]

Imam Tarmizi meriwayatkan dari Salman bahawa Rasulullah SAW bersabda : *“Tidak ada sesuatu yang menolak qadha Allah kecuali doa, dan tidak ada sesuatu yang menambah umur kecuali perbuatan baik”.*

Dalam suatu hadith dari Abu Hurairah bahawa Nabi SAW bersabda : *“Berdoalah kepada Allah dalam keadaan kamu yakin doa itu akan dimakbulkan, dan ketahuilah bahawa Allah tidak mengabulkan doa dari hati yang lalai dan leka”.*

[Diriwayatkan oleh Hakim dalam kitab Mustadraknya]

Dalam suatu hadith lain Rasulullah bersabda “*Doa adalah ibadah*”

[Diriwayatkan oleh Tirmizi dari hadith Nu'man bin Basyir dalam kitab tafsir, Abu Daud meriwayatkan dalam kitab Solat dan Ibnu Majah dalam kitab doa]

Tambahan pula pesakit berada di dalam keadaan darurat sementara Allah Ta'ala telah berfirman :

أَمَّنْ يُجِيبُ الْمُضْطَّرَّ إِذَا دَعَاهُ وَيَكْشِفُ السُّوءَ

Ertinya : *Atau siapakah Yang memperkenankan doa orang Yang menderita apabila ia berdoa kepadaNya, dan Yang menghapuskan kesusahan...?* [An-Naml : 62]

Dan hendaklah pesakit mendoakan untuk dirinya keampunan, kesejahteraan, penerimaan Allah terhadap amal solehnya, memohon ampun atas maksiat yang dilakukannya dan agar keadaannya bertambah baik. Dia juga hendaklah mendoakan agar Allah memberikan hidayah, keteguhan hati, kemenangan, kesejahteraan kepada seluruh orang Muslim.

Antara doa yang ma'tsur (diambil dari Rasulullah) dan menyeluruh:

اللَّهُمَّ قِيَّ شَرِّ نَفْسِي وَعَلِّمْنِي عِلْمًا يَنْفَعُنِي

Ertinya : *Ya Allah, lindungilah aku dari keburukan diriku dan ajarilah aku ilmu yang memberiku manfaat.*

Ada seorang wanita solehah yang dimasukkan ke pusat rawatan rapi sentiasa mengucapkan tiga ayat semasa dia merasai kesakitan yang amat sangat dan hanya menanti ajalnya. Semasa dia menghembuskan nafasnya, tiga doa Al-quran menjadi ucapannya yang terakhir :

أَفِي مَسْنِي الضُّرِّ وَأَنْتَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ ﴿٨٣﴾

Ertinya : *“Sesungguhnya aku ditimpa penyakit, sedang Engkaulah sahaja yang lebih Mengasihani daripada segala (yang lain) yang Mengasihani”.*

[Al-Anbiya' : 83]

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿٨٧﴾

Ertinya : *“Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau (Ya Allah)! Maha suci Engkau (daripada melakukan aniaya, tolonglah daku)! Sesungguhnya aku adalah daripada orang-orang yang*

menganiaya diri sendiri”.

[Al-Anbiya' : 87]

رَبَّنَا نَقْبَلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿١٧٧﴾

Ertinya : *“Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami); Sesungguhnya Engkau Yang Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui;*

[Al-Baqarah : 127]

Dia sentiasa berdoa dengan tiga ayat ini memohon kesembuhan penyakit, kasih sayang dan keampunan Allah, serta penerimaan amalan. Betapa hebatnya doa-doa ini.

Al-Hakim meriwayatkan di dalam kitab Mustadraknya, dari hadith 'Aisyah RA, kata beliau, Rasulullah s.a.w telah bersabda : *“Tidak terkaya berjaga-jaga itu dari ketentuan takdir. Doa itu bermanfaat untuk apa yang telah turun dan apa yang belum turun. Sesungguhnya bala' itu pasti turun, maka ia akan bertemu dengan doa lalu kedua-duanya saling bertolakan sehingga hari kiamat”.*

Ahmad meriwayatkan dalam hal zuhud bahawa Qatadah mengatakan bahawa Muwarriq berkata : *“Aku tidak jumpa satu contoh yang lebih tepat untuk*

menggambarkan seorang mukmin kecuali seperti seorang yang berpaut pada sekeping kayu di tengah lautan. Lalu dia berdoa: Wahai Tuhanku! Wahai Tuhanku! Moga-moga Allah menyelamatkannya”.

Al-Hakim meriwayatkan lagi di dalam kitab Mustadraknya, dari Sa’ad bin Abi Waqqas, bahawa dia telah mendengar Nabi SAW berkata “Mahukah kamu aku beritahu tentang nama Allah paling Mulia? Iaitu doa Yunus”. Seseorang bertanya “Wahai Rasulullah, adakah doa itu khusus untuk Yunus sahaja?” Rasulullah menjawab : *Tidakkah kamu mendengar firman Allah :*

فَاسْتَجَبْنَا لَهُ وَخَلَّلْنَا لَهُ مِنَ الْعَمِّ وَكَذَلِكَ نُنْجِي الْمُؤْمِنِينَ

Ertinya : Maka Kami makbulkan doanya dan Kami selamatkannya dari kesusahan yang menyelubunginya. Dan begitulah kami akan menyelamatkan orang-orang Mukmin.

Maka seseorang muslim yang berdoa dengannya ketika dia sakit 40 kali, lalu dia menemui ajalnya kerana sakit itu, maka dia akan diberi ganjaran seperti syahid. Jika dia sembuh, dia sembuh dengan diampunkan dosanya.

Dalam Musnad Imam Ahmad dari hadith Anas katanya : Rasulullah bersabda “*Seorang hamba tetap berada dalam kebaikan selagimana dia tidak gopoh-gapah*”. Sahabat bertanya “*Wahai Rasulullah bagaimana dia bergopoh-gapah?*” Rasulullah menjawab “*Dengan dia berkata : Aku telah berdoa kepada Tuhanku namun Dia tidak mengabulkannya*”.


3 Bertawakkal kepada Allah sambil mengusahakan penyembuhan.

Kamu mestilah berusaha mencari penyebab-penyebab kesembuhan dan mengambil ubat-ubat yang diberikan kerana kita dituntut untuk berubat. Di dalam Sahih Muslim dari hadith Jabir bin Abdullah, beliau berkata “*Rasulullah bersabda: bagi setiap penyakit ada penawarnya. Maka jika bertepatan ubat dan penyakit, ia akan sembuh dengan izin Allah*”. Baginda juga bersabda “*Wahai hamba-hamba Allah berubatlah!*”.

[Disebutkan oleh Tirmizi dalam bab At-Tibb (Pengubatan) dari hadi Usamah bin Syareek. Juga disebutkan oleh Abu Daud dan Ibnu Majah dalam bab At-Tibb mereka]

Namun, ini tidak bermakna bahawa sebaik sahaja kita mengambil ubat atau berjumpa doktor maka

akan berlaku kesembuhan. Ini kerana Allah berfirman :



Ertinya : Dan apabila aku sakit, maka Dia lah Yang menyembuhkan penyakitku.

[Asy-Syu'ara' : 80]

Jadi, walaupun Nabi SAW berusaha mencari sebab-sebab kesembuhan, hatinya tetap bergantung kepada Allah bukan dengan penyebab-penyebab kesembuhan itu.

Tawakal akan menghalang pesakit daripada merasa menyesal kerana mengambil satu jenis ubat dan bukan yang lain, menyesal kerana berjumpa doktor ini dan bukan doktor yang lain, atau menyesal kerana dibawa kepada satu hospital dan bukan ke hospital yang lain.

Orang yang bertawakkal telah menyerahkan dirinya kepada Allah sambil berusaha mencari sebab-sebab kesembuhan. Jadi, selagi mana dia berusaha semampunya untuk mencari penyebab kesembuhan maka hendaklah dia menerima dengan hati yang redha pula apa-apa yang berlaku. Jika dia merasa

menyesal dengan apa yang tidak mampu dilakukan oleh manusia, dia akan merasa putus asa, lemah, dan tertekan pula.

Sebagai contoh : Ketika Rasulullah SAW keluar berhijrah ke Madinah melalui jalan yang tidak biasa dilalui, baginda telah menyiapkan makanan, kenderaan, dan penunjuk jalan. Baginda juga bersembunyi di dalam gua. Tetapi, ketika pencari-pencari baginda sampai ke pintu gua, baginda tidak pernah terfikir untuk menyesal kerana bersembunyi di gua tersebut, atau kerana menggunakan jalan itu. Sebaliknya, dengan hati yang penuh pengharapan, tawakkal dan percaya kepada Allah baginda bersabda kepada teman perjalanannya (Abu Bakar) *"Jangan bersedih sesungguhnya Allah bersama kita. Bagaimana kamu rasa keadaan dua orang yang ditemani Allah?"*.

Tawakkal adalah hasil daripada pengesaan (tauhid). Sebagaimana Allah berfirman:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ هُوَ فَاتَّخِذْهُ وَكِيلًا ﴿١﴾

Ertinya: Tiada Tuhan melainkan dia; maka Jadikanlah Dia penjaga Yang menyempurnakan urusanmu.

[Al-Muzammil : 9]

وَتَوَكَّلْ عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ وَسَبِّحْ بِحَمْدِهِ

Ertinya : *Dan berserahlah Engkau kepada Allah Tuhan Yang hidup, Yang tidak mati; serta bertasbihlah Dengan memujiNya;*

[Al-Furqan : 58]

Saudaraku, berpeganglah kepada doa ini dan cubalah memahami maknanya dan kesannya dalam bertawakkal :

binatang yang Engkau kawal. Sesungguhnya tuhanku di atas jalan yang lurus.

[Diriwayatkan oleh Muslim dalam bab zikir, doa, taubat, dan Istighfar (Minta ampun) dari hadith Abu Hurairah. Tirmizi meriwayatkan dalam bab doa-doa dan Daud dalam bab adab]

4 Mengisi masa lapang

Pesakit mempunyai banyak masa lapang, maka dia haruslah mengisinya dengan tilawah (membaca) Al-Quran atau mendengarnya, juga dengan pelajaran yang bermanfaat. Dia juga harus berazam untuk membuat amal-amal ketaatan jika Allah mentaqdirkan dia sembuh dan menyempurnakan kesihatannya.

Waktu lapang ini juga adalah satu peluang untuk pesakit mengingat kembali amal ketaatan yang terlepas darinya kerana kecuaiannya. Dia juga haruslah bertaubat daripada segala maksiat yang dilakukannya dan berazam tidak kembali mengulanginya.

Allah berfirman:



وَهُوَ الَّذِي يَقْبَلُ التَّوْبَةَ عَنْ عِبَادِهِ وَيَعْفُو عَنِ السَّيِّئَاتِ وَيَعْلَمُ مَا تَفْعَلُونَ

Ertinya : Dan Dia lah Tuhan yang menerima taubat dari hamba-hambaNya (yang bertaubat) serta memaafkan kejahatan-kejahatan (yang mereka lakukan); dan ia mengetahui akan apa yang kamu semua kerjakan.

[Asy-Syura : 25]

Sakit merupakan uzlah (pengasingan diri) yang mengandungi kerehatan, kemuliaan, kehormatan, jauh daripada maksiat, memelihara waktu dan umur, jauh daripada hasad, berfikir tentang akhirat, persediaan bertemu Allah, mengambil kesempatan untuk membuat ketaatan, berfikir perkara yang bermanfaat, menambah kebijaksanaan, istinbat (mengambil hukum) dari nas-nas (Quran dan Hadith), dan mengamati tujuan-tujuan hukum (hikmah).

Perkara yang paling bermanfaat untuk pesakit mengisi masanya ialah dengan berzikir. Tirmizi meriwayatkan dari Abdullah bin Busrin r.a menceritakan bahawa seorang lelaki berkata *“Wahai Rasulullah! Sesungguhnya syariat Islam (perkara wajib dan sunat) terlalu banyak ke atasku, beritahulah kepadaku sesuatu yang dapat kubergantung dengannya.”* Lalu Rasulullah S.A.W. bersabda: *“Hendaklah lidah kamu sentiasa dibasahi dengan zikir*

kepada Allah.

[Imam Ahmad meriwayatkan hadith ini dalam kitab Musnad Ahli Syam]

5 Hendaklah berusaha menasihati keluarganya serta orang-orang yang menziarahinya.

Sesungguhnya Allah menjadikan kebijaksanaan (hikmah) itu berada di lidah pesakit dan menjadikan ucapan sangat memberi kesan kepada orang sekelilingnya.

Telah diriwayatkan dari Umar, bahawa ketika dia sakit seorang pemuda telah datang menziarahinya. Umar dapati dia melabuhkan kain ke tanah, maka beliau berkata “*Wahai anakku, angkat kainmu sesungguhnya itu lebih bersih kepada pakaianmu dan lebih bertakwa kepada tuhanmu*”.

Allah juga menjadikan nasihat seorang pesakit lebih mudah diterima orang. Rasulullah bersabda dalam sebuah hadith (الدين النصيحة) “*Agama itu adalah nasihat*”

[Diriwayatkan oleh Muslim dari Tamim Ad-Dari]

Moga-moga seseorang mendapat manfaat daripada nasihatmu, lalu Allah memberikan ganjaran menasihati dan seperti ganjaran orang yang mengamalkannya.

Seperti di dalam sebuah hadith “Sesiapa yang menunjuk kepada kebaikan maka baginya seperti pahala orang yang mengamalkannya”

[Diriwayatkan oleh Muslim dari ‘Uqbah bin Amru Al-Ansariy, dan Abu Daud meriwayatkannya dalam bab adab]

Dalam hadith yang lain Rasulullah bersabda “Barangsiapa membuat sesuatu perkara yang baik dalam Islam, maka dia mendapat pahala daripada perbuatannya itu dan dia juga mendapat pahala orang yang membuat perkara baik yang dibuat kemudian daripadanya, dengan tiada kurang sesuatu pahala yang diuntukkan bagi mereka”

[Diriwayatkan oleh Muslim dari Jarir bin Abdullah dalam bab Zakat dan Ilmu dan Ibnu Majah meriwayatkan di dalam Mukadimah]

6 Berazam dan memperbaharui niat untuk beramal soleh selepas sembuh.

Antara tanda sifat Pemurah Allah ialah Dia mewujudkan sebab-sebab kepada hamba supaya Dia memilihnya selepas itu. Banyak sekali kawan-kawan kita yang aktif melakukan kebaikan selepas sembuh dari penyakit, lalu mereka bertambah zuhud kepada dunia dan bertambah teringin kepada akhirat. Oleh

itu, manusia mestilah tidak melupakan nikmat Allah ketika sembuh dari penyakit, dan sentiasa mendekatkan diri kepada-Nya ketika gembira ataupun susah. Allah Berfirman :

فَإِذَا مَسَّ الْإِنْسَانَ ضُرٌّ دَعَانَا ثُمَّ إِذَا خَوَّلْنَاهُ نِعْمَةً مِّمَّا قَالِ إِنَّمَا أَوْتَيْنَاهُ عَلَىٰ عِلْمٍ
بَلْ هِيَ فِتْنَةٌ وَلَكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٤٩﴾

Ertinya : *Maka apabila manusia disentuh oleh sesuatu bahaya, ia segera berdoa kepada kami; kemudian apabila Kami memberikannya sesuatu nikmat (sebagai kurnia) dari kami, berkatalah ia (dengan sombongnya) : "Aku diberikan nikmat ini hanyalah disebabkan pengetahuan dan kepandaian yang ada padaku". (tidaklah benar apa Yang dikatakannya itu) bahkan pemberian nikmat Yang tersebut adalah ujian (adakah ia bersyukur atau sebaliknya), akan tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui (hakikat itu).*

[Az-Zumar : 49]

Saudaraku yang sakit,

Sesungguhnya ada kenikmatan yang Allah berikan kepadamu walaupun kamu sakit. Nikmat ini sering dilupai ramai orang. Mensyukuri nikmat juga merupakan satu pintu daripada pintu-pintu syurga:

- Kamu dapat memahami buku ini adalah satu nikmat.
- Kamu dapat berdoa adalah satu nikmat.
- Penyakit kamu tidak lebih teruk daripada yang kamu rasakan sekarang adalah satu nikmat.
- Malaikat yang sentiasa memohon ampun untuk kamu, orang mukmin yang berdoa untuk kamu dalam doa mereka, syafaat nabi SAW kepada kamu, dan janji Al-quran kepada kamu bahawa kamu mendapat kebaikan semuanya adalah nikmat.
- Kamu sebagai seorang Islam adalah satu nikmat.
- Menjadi satu nikmat apabila penyakit kamu menimpa badan kamu bukan agama kamu.
- Adalah satu nikmat apabila penyakit ini tidak menimpa akalmu. Sesungguhnya penyakit akal dan hati membinasakan dunia dan akhiratmu.

- Menjadi satu nikmat untukmu kerana Allah menjadikan kamu sakit untuk Dia kasihan kepadamu.
- Adalah satu nikmat apabila Allah memberimu peluang untuk muhasabah (menilai) dirimu tanpa gangguan janji-janji temu yang menyibukkanmu dan komitmen lain yang membebaskanmu.
- Menjadi satu nikmat kerana Allah menjadikan sakit untuk menebus dosa-dosamu. Maka dosa-dosamu gugur seperti gugurnya daun-daun pokok ketika ribut.
- Adalah satu nikmat untukmu kerana Allah menuliskan pahala kepadamu atas amal-amal yang kamu berniat untuk melakukannya selepas sembuh.

Saudaraku yang sedang sakit,

Moga Allah menyembuhkan dan mensejahterakanmu. Moga-moga Allah menjadikan penyakit ini menjadi penyebab terbukanya pintu syurga, lalu di dalamnya kamu dapat bersama orang-orang yang dikasihi iaitu Nabi Muhamad SAW dan sahabat-sahabatnya.

Saudaraku yang sedang sakit,

Sesungguhnya kasih Allah padamu sangat besar, pertolongan-Nya dekat sahaja, dan ganjarannya banyak.

Saudaraku yang sedang sakit,

Sesungguhnya Allah suka mendengar rayuan dan doamu. Inilah peluang terbuka untukmu dan jangan lupakan kami dalam doamu.

﴿٨٣﴾ أَفِي مَسْنِي الضُّرِّ وَأَنْتَ أَرْحَمُ الرَّحِيمِينَ

“Sesungguhnya Aku ditimpa penyakit, sedang Engkau sahaja Yang lebih Mengasihani daripada Segala (yang lain) Yang Mengasihani”.

[Al-Anbiya' : 83]

﴿٨٧﴾ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ

“Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau (Ya Allah)! Maha suci Engkau (daripada melakukan aniaya, tolongkanlah daku)! Sesungguhnya Aku adalah dari orang-orang Yang menganiaya diri sendiri”.

[Al-Anbiya' : 87]

رَبَّنَا قَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿١٢٧﴾

“Wahai Tuhan kami! Terimalah daripada Kami (amal kami); Sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui;

[Al-Baqarah : 127]

Rujukan :

- Al-Azkar karangan Imam Nawawi.
- ‘Uddah As-Sobirin karangan Ibnu Al-Qayyim.
- Madarij As-Salikin karangan Ibnu Al-Qayyim.

Beberapa buku yang menarik untuk anda baca atau dengari semasa anda sakit :

- Di Bawah Naungan Al-Quran oleh Sayyid Qutub.
- Taman-taman Orang Salih (Riyadussalihin) karangan Imam Nawawi.
- Hikam karangan Ibnu ‘athoillah As-Sakandari.
- Alhamdullillah Hazihi Hayati (Alhamdulillah Inilah Hidupku) karangan Abdul Halim Mahmud.